KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

CANANG

April 2021

PETIKAN TITAH

Kita wajar teruskan kebiasaan baru, untuk keselamatan dan kesihatan.
Kesihatan sangat penting, khasnya bagi tujuan kita menjalani ibadat puasa. Wajar bagi kita berazam untuk berpuasa genap sebulan, insya Allah, niat kita yang baik ini akan diperturut oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Tidak ada sebab, situasi negara pada masa ini akan mengganggu ibadat kita.
Kalau pada tahun lepas, untuk beberapa ketika, kita memang terpaksa menangguhkan kehadhiran ke masjid, surau dan balai ibadat untuk Sembahyang Fardhu Juma'at dan sembahyang-sembahyang fardhu yang lain secara berjemaah serta juga Sembahyang Sunat Tarawih. Tetapi pada tahun ini alhamdulillah,
situasi nampaknya tidak akan menghalang kita untuk hadhir ke tempat-tempat ibadat seperti biasa,
kecualilah berlaku perkara-perkara diluar dugaan.

Selepas menyempurnakan puasa, kita akan memasuki pula gerbang Hari Raya, Semoga Allah akan mengurniakan kepada kita kesihatan untuk dapat merayakannya dalam keadaan aman dan selamat.
Sebelum itu, persediaan eloklah disederhanakan sahaja, sesuai dengan keadaan dan faktor ekonomi masa kini.
Berjimat dalam berbelanja adalah bererti menolong diri kita sendiri.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

MENYAMBUT BULAN RAMADHAN TAHUN 1442H/2021M

Abdullah bin Abbas radhiyallahu 'anhuma menceritakan:

كَانَ النَّبِيُّ - صلى الله عليه وسلم أَجْوَدَ النَّاسِ بِالْخَيْرِ،وَكَانَ أَجْوَدُ مَا يَكُونُ فِي رَمَضَانَ،

حِينَ يَلْقَاهُ جِبْرِيلُ، وَكَانَ جِبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلاَمُ يَلْقَاهُ كُلَّ لَيْلَةٍ فِي رَمَضَانَ حَتَّى يَنْسَلِخَ ،

يَعْرِضُ عَلَيْهِ النَّبِيُّ صلى الله عليه وسلم الْقُرْآنَ ، فَإِذَا لَقِيَهُ جِبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلاَمُ كَانَ أَجْوَدَ بِالْخَيْرِ مِنَ الرِّيحِ الْمُرْسَلَةِ .

Artinya:
"Nabi Muhammad SAW adalah orang yang paling dermawan, dan beliau lebih dermawan pada bulan Ramadhan, saat beliau ditemui Jibril untuk membacakan kepadanya Al-Qur'an.
Jibril menemui beliau setiap malam pada bulan Ramadhan lalu membacakan kepadanya Al-Qur'an.
Rasulullah SAW ketika ditemui Jibril lebih dermawan dalam kebaikan daripada angin yang berhembus ."

HR. Bukhari dan Muslim

رمضان كريم

KUNJUNGAN HORMAT

TUAN YANG TERUTAMA HENG AIK YEOW
PESURUHJAYA TINGGI REPUBLIK SINGAPURA
KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Selasa, 13 April 2021
Bilik Kunjungan,
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN KEPADA MANGSA BENCANA RUMAH ROBOH DAN RUMAH TERBAKAR

Selasa, 20 April 2021
Bilik Kunjungan,
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui peruntukan Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada mangsa kejadian bencana rumah roboh di Kampung Peramu yang berlaku pada 27 Mac dan mangsa kejadian kebakaran rumah di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Tungku, Gadong, yang berlaku pada 15 April.

KUNJUNGAN HORMAT

TUAN YANG TERUTAMA EIJI YAMAMOTO ,
DUTA BESAR ISTIMEWA DAN MUTLAK JEPUN,
KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Khamis, 22 April 2021
Bilik Kunjungan,
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang

PERTANDINGAN PIDATO KEBANGSAAN BRUNEI DARUSSALAM SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-37

01
APRIL
KHAMIS

Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), BERAKAS - . Tema pidato, 'Menjayakan Wawasan Negara' yang diangkat bagi sama-sama memeriahkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-37, bertepatan dengan gagasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang dimanifestasi bagi memastikan negara ini mempunyai rakyat berpendidikan, berkemahiran dan berjaya; kehidupan yang berkualiti; dan ekonomi yang dinamik juga berdaya tahan. Tema ini, membuka ruang pelbagai elemen pembicaraan yang lebih meluas skopnya yang merangkumi aspek sosiobudaya, pendidikan, geopolitik, ekonomi, pembangunan, infra-struktur, pola hidup dan sebagainya.

Seramai 12 peserta menyertai pertandingan tersebut, pada peringkat saringan dan hanya empat peserta sahaja yang mara ke peringkat akhir. Pidatobertajuk 'Tonggak Utama Jayakan Wawasan Merdeka' membawa tuah kepada Awang Mohammad Riduwan bin Johari menjadi johan pertandingan. Naib johan disandang oleh Awang Mohammad Rahimi bin Muhammad Fadillah, dengan penyampaian pidato, bertajuk 'Perpaduan Rakyat, Kunci Pembangunan Negara' Tempat ketiga pula disandang oleh Dayang Noraffah binti Haji Latif, dengan penyampaian pidato, bertajuk 'Kepimpinan Belia Penyuluh Wawasan Negara',

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Dewan Bahasa Pustaka berperanan penting dalam mendayaupayakan pemartabatan dan pemerkasaan bahasa Melayu di negara ini, dengan menyediakaan pebagai platfom yang dapat memupuk dan menarik minat masyarakat terutama dalam kalangan belia di negara ini. Dan melaui pertandingan seperti ini, dapat meluaskan dan memantapkan pengetahuan, penggunaan juga penguasaan bahasa Melayu standard yang betul dan benar, di samping membina keyakinan diri juga kemahiran komunikasi untuk mampu berucap dalam khalayak ramai; dan meluaskan pengetahuan am juga isu-isu semasa dalam dan luar negara.

BENGKEL MASAKAN BERSAMA WARGA EMAS

02
APRIL
JUMAAT

Restoran De' Pirates Sails Seafood, Kompleks Shakirin, Kiulap - Pelbagai program boleh dilaksanakan dan diungkayahkan bagi membantu golongan warga emas untuk menjalankan gaya hidup yang sihat.

Perkara tersebut, antara yang dijelaskan, oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Saidah binti Wahid @ Burut semasa Bengkel Masakan Bersama Warga Emas.

Melalui program-program yang dilaksanakan, menurutnya, ia boleh dijadikan sebagai platform untuk warga emas membuat perniagaan, aktiviti dan sebagainya selaras dengan objektifnya, iaitu menjalankan gaya hidup yang sihat bagi warga emas (healthy lifestyle for the elderly).

Terdahulu itu, Pengurus Restoran De' Pirates Sails Seafood, Awang Noor Hazny bin Sani dalam ucapan alu-alunnya berkata, Bengkel Masakan bersama Warga Emas (Legend is Cooking) merupakan Corporate Social Responsibility (CSR) dari kedai makan tersebut bagi membantu warga emas dalam mempergiatkan lagi aktiviti sosial mereka dalam mengekalkan kesihatan mental dan fizikal juga memperkembangkan dan memperkenalkan pengetahuan masakan asli tradisional kepada generasi muda.

Semasa bengkel tersebut, satu tatacara masakan dengan tema 'Masakan Ibunda' dikendalikan oleh salah seorang Ahli Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE). Bengkel anjuran bersama PKWE dan Restoran De' Pirates Sails Seafood, bertujuan untuk memperluaskan lagi pengetahuan orang awam mengenai jenis-jenis masakan orang terdahulu dan kuih muih asli Brunei, di samping memperkembangkan dan memperkenalkan lagi makanan asli Brunei dalam kalangan penduduk tempatan mahupun orang pelancong asing.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku tetamu kehormat menyempurnakan pelancaran Sambutan WAAD.

HARI KESEDARAN AUTISME SEDUNIA (WAAD).

INCLUSION IN THE WORKPLACE: CHALLENGES & OPPORTUNITIES IN A POST-PANDEMIC WORLD

02
APRIL
JUMAAT

Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Jalan Residency **-** Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (The United Nations General Assembly) mengisytiharkan setiap 2 April sebagai Hari Kesedaran Autisme Sedunia (WAAD). Pada tahun ini, Gerakan 'Light it Up' (Light It Up Movement) adalah gerakan yang disambut secara global yang menyaksikan monumen atau mercu tanda terkenal di seluruh dunia dinyalakan khusus bagi memperingati dan meraikan sambutan tersebut. SMARTER Brunei meraikan sambutan tersebut dengan menyalakan lampu berwarna biru di Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PENYEWAAN INKUBASI BELIA

07
APRIL
RABU

Bilik Mesyuarat At-Taufiq, Tingkat 6, KKBS - Majlis Menandatangani Perjanjian Penyewaan Inkubasi Belia adalah kesinambungan daripada Majlis Penyerahan Micro-Grant yang telah dilaksanakan pada 3 Oktober 2020 kepada tujuh buah syarikat inkubator iaitu Kemari Farm Enterprise, Cerita Fabrikku, Siege Pollyfox Enterprise, Perusahaan Mazroni BKP dan Rakan-Rakan, BARBERKU, Gentleman Stitch Enterprise dan KOPPB Minimart.

PPB mula melaksanakan Program Inkubasi PPB semenjak tahun 2019 dengan memberikan kemahiran kepada golongan sasaran dan penggunaan platform-platform kementerian yang tersedia sebagai insentif 'micro-grant' tempat berniaga dengan kadar bayaran yang rendah bagi para belia yang memilih keusahawanan sebagai trajektori kerjaya mereka.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

As vaccines spread hope and spectators begin to return to arenas,
the world of sport has crucial contributions to make
in forging a safe and sustainable recovery.
We will play and cheer again when everyone is safe from the pandemic.

- UN Secretary-General António Guterres

SMS BRUNEI PRIHATIN UNTUK TABUNG ANAK-ANAK YATIM

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan Majlis Pelancaran SMS Brunei Prihatin Untuk Tabung Anak-Anak Yatim.

08
APRIL
KHAMIS

VIP Lounge, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, BERAKAS **-** SMS Brunei Prihatin Untuk Tabung Anak-Anak Yatim bermula sejak tahun 2005 dengan hasrat memudahkan orang ramai menghulurkan derma yang akan disalurkan kepada Tabung Anak Yatim di bawah kendalian JAPEM.

SMS Brunei Prihatin merupakan projek tahunan yang diungkayahkan bersama oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Jabatan Radio Televisyen Brunei, DST Sdn. Bhd., Progresif Sdn. Bhd. dan Imagine Sdn. Bhd. Kutipan derma melalui SMS akan berlangsung selama tiga bulan, iaitu bermula 8 April 2021 dan berakhir pada 8 Julai.2021.

MAJLIS TAHLIL SEKAMPUNG PUSAT KEGIATAN WARGA EMAS (PKWE DBM) TAHUN 1442H / 2021M

Bacaan Tahlil dan Doa Arwah dipimpin oleh tenaga pengajar PKWE, Awang Haji Mohd. Yadly bin Haji Mohd. Yusof, Imam Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

08
APRIL
KHAMIS

PKWE, Perpindahan Lambak Kanan - Majlis Majlis Tahlil merupakan acara tahunan PKWE DBM yang bertujuan bagi membudayakan amalan berkebajikan PKWE, lebih-lebih lagi sebelum menjelangnya bulan Ramadan, sekali gus bagi mengenang dan mendoakan kaum keluarga yang kembali kerahmatullah.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang diadakan di itu ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin. Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Kemayarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Saidah binti Haji Wahid @ Burut; Pengurus PKWE, Awang Haji Mohd. Yusof bin Mohd. Salleh dan ahli-ahli pusat berkenaan.

WIRA FAJAR PROGRAM BELIA SEMBAHYANG FARDU SUBUH BERJEMAAH DI MASJID BAGI TAHUN 1442 HIJRAH / 2021 MASIHI

09
APRIL
JUMAAT

Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie, TEMBURONG **-** lebih 300 orang, terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie, pegawai-pegawai kerajaan, persatuan dan pergerakan belia, belia-belia masjid serta penduduk sekitar Kampung Rataie menghadiri Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah Di Masjid.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin. Turut hadir ialah Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet) KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; Setiausaha Tetap (Pengurusan Strategi dan Dasar) KKBS, Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan) KKBS, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said; Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Muhammad Ameer Mubarak bin Pengiran Haji Hashim serta Pegawai-pegawai Kanan KKBS.

Atur cara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah, diimamkan oleh Imam Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie, Awang Abdul Raqib bin Haji Awang, diikuti dengan Tazkirah Subuh bertajuk 'Belia Menghidupkan Bulan Ramadan', disampaikan oleh Pegawai Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Muhammad Naqib.Majlis diselajurkan dengan bacaan Surah Al-Kahfi dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Awang Abdul Hakeem bin Haji Suleiman dan diakhiri dengan Sembahyang Dhuha.

PERADUAN FOTOGRAFI SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-37

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian hadiah dan pelancaran pameran.

10
APRIL
SABTU

Ruang legar, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Bandar Seri Begawan - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian hadiah dan pelancaran Pameran Peraduan Fotografi dan Produk Artisan Pusat Bahagia dan Mahkota Designs.

Kategori 'A'

Johan - 'Generasi Baru' oleh Awang Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman; naib johan - 'Bendera Ku Brunei Darussalam' oleh Dayang Faridah binti Haji Jaya; dan tempat ketiga - 'Insan Istimewa di Hari Kebangsaan Brunei Darussalam Ke-37' oleh Awang Haji Ali Hamzah bin Haji Gafar.

Kategori 'B'

Johan - 'Keceriaan Generasi Muda Menyambut Hari Kebangsaan Brunei Darussalam Ke-37' oleh Awang Mohamad Hamizan bin Haji Ali Hamzah, naib johan - 'Si Pembawa Bendera' - Awangku Iqbal Salleh bin Pengiran Haji Sulaiman; dan tempat ketiga - 'Generasi Muda Aset Wawasan Negara' oleh Awang Muhammad Hassanul Fikri bin Mohammad Faizal.

MAJLIS PENYERAHAN SIJIL PERKHIDMATAN DAN SIJIL PENGHARGAAN BAGI WARGA KKBS YANG BERSARA DAN BERPINDAH

12
APRIL
ISNIN

Dewan Digadong, KKBS - Seramai 124 orang pegawai dan kakitangan bersara serta 46 orang pegawai dan kakitangan yang berpindah dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya diraikan pada Majlis Penyerahan Sijil Perkhidmatan dan Sijil Penghargaan Bagi Pesara-Pesara Pegawai dan Kakitangan KKBS dan Jabatan-Jabatan di Bawahnya Bagi Tahun 2019 dan 2020 dan Berpindah Bagi Tahun 2019, 2020 dan 2021.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil dan cenderamata kepada para pesara dan pegawai serta kakitangan yang berpindah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) BAGI APLIKASI SUKARELAWAN (MENGALINGA)

Menandatangani Memorandum Persefahaman MoU tersebut bagi pihak KKBS, Setiausaha Tetap (Pengurusan Strategi dan Dasar), Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, manakala mewakili Bank Baiduri, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Baiduri, Ti Eng Hui.

17
APRIL
SABTU

Ibu Pejabat Bank Baiduri, One Riverside , **BANDAR SERI BEGAWAN -** Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Bank Baiduri menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi Aplikasi Sukarelawan (Mengalinga) yang bakal dilancarkan pada bulan Ogos 2021. Aplikasi ini dibangunkan dengan pelbagai ciri dengan fungsi utamanya sebagai platform untuk membolehkan penganjur acara dan organisasi bukan kerajaan mempromosikan peluang sukarelawan dan membenarkan sukarelawan untuk menyertai aktiviti melalui aplikasi.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyaksikan majlis penandatanganan tersebut yang berlangsung di Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Menandatangani bagi pihak KKBS semasa majlis penandatanganan tersebut, Setiausaha Tetap (Pengurusan, Strategi dan Dasar), KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan dan Pemangku Pengarah Jabatan Belia dan Sukan, KKBS, Dayang Mariam binti Ulat. Manakala menandatangani bagi pihak Bank Baiduri, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Baiduri, Ti Eng Hui dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan Perniagaan) Bank Baiduri, Pengiran Azaleen bin Pengiran Dato Haji Mustapha.

Sebagai rakan strategik projek, Bank Baiduri akan menyokong pengembangan aplikasi mudah alih sebagai sebahagian daripada inisiatif CSR dan menyokong inisiatif kerajaan untuk mewujudkan platform digital dan mempromosikan kesukarelawanan di negara ini.

MAJLIS BERSUNGKAI BERSAMA MURID-MURID DAN PELATIH-PELATIH PUSAT BAHAGIA DAERAH BRUNEI DAN MUARA

Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet) di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian sumbangan.

23
APRIL
JUMAAT

Dewan Ifrah, pusat Bahagia Brunei Muara, PULAIE - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sentiasa berganding bahu bersama rakan-rakan strategik dari agensi-agensi swasta didalam memeduli dan berkongsi keceriaan dan kegembiraan dengan golonga-golongan yang kurang bernasib baik.

Hadir selaku tetamu kehormat di ialah Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Turut hadir, Pengerusi Syarikat Borneo United Enterprise Sdn. Bhd., Stanley Lim Hock Ghim; Pengerusi Syarikat BM Engineering Sdn. Bhd., Clifford Tan Chee Yii; Pengerusi Syarikat Daya Engineering, Lee Leong Soon; Pengerusi Rajiya Interior & Construction Sdn. Bhd., Peter Huang; Pengerusi Syarikat Trane Aire Sdn. Bhd., Tang Chung Kee; Pengerusi Syarikat PKS Sdn. Bhd., Awang Tony Ng; juga Pegawai-pegawai di KKBS dan JAPEM bersama Murid dan Pelatih Pusat Bahagia Brunei Muara.

Majlis diisikan dengan bacaan Tahlil beramai-ramai dan Doa Tahlil serta Doa Selamat dibacakan oleh Guru Ugama Pusat Bahagia Brunei Muara, Awang Haji Nuurmatin bin Haji Abu Bakar. Acara diselajurkan dengan Penyampaian Sampul Hari Raya Aidilfitri oleh tetamu kehormat dan sumbangan adalah daripada para dermawan syarikat-syarikat berkenaan.

MAJLIS KASIH RAMADAN KALI KE-2, 2021

27
APRIL
SELASA

Dewan Binadiri, PPB, TANAH JAMBU, - Seramai 51 orang anak yatim dari Kampung Tanah Jambu, warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan anak-anak warga Pusat Pembangunan Belia (PPB) diraikan pada Majlis Kasih Ramadan Kali Ke-2, 2021.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin hadir menyempurnakan penyampaian sumbangan.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyampaikan sumbangan berupa Mini Hamper Kasih PPB kepada mereka yang diraikan, diikuti dengan bacaan Tahlil, disusuli dengan Majlis Berbuka Puasa.

Warga PPB telah menyediakan sumbangan Mini Hamper Kasih PPB yang diisikan kek dan biskut hasil bergotong-royong para warga dan Pelatih-pelatih PPB khas bagi setiap anak yatim yang dijemput sebagai cenderahati bagi meraikan Hari Raya Aidilfitri. Projek tersebut mendapat sokongan daripada rakan-rakan strategik PPB, seperti Sabli's Food Industries (B) Sdn. Bhd., Megamas Training Company Sdn. Bhd., Malam Minggu Pusat Belia (MMPB), Syarikat Eco Bumi Arkitek, Perusahaan Ala Bolhassan Sdn. Bhd., Koperasi PPB serta individu-individu yang telah memberikan sumbangan ikhlas.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KKBS, para jemputan khas, pengarah-pengarah dan pegawai kanan KKBS.

JUALAN KUIH-MUIH BELIA KE-17

30
APRIL
JUMAAT

Dewan Riadah, Pusat Belia, BANDAR SERI BEGAWAN – Semangat keusahawanan, kemahiran pengurusan perniagaan dan pembuatan kuih-muih golongan belia tempatan yang disertai oleh kira-kira 101 orang Ahli KKBT serta 80 orang daripada WI diketengahkan semasa Jualan Kuih-Muih Belia Ke-17 memeriahkan lagi sambutan persiapan Hari Raya Aidilfitri tahun ini.

Jualan Kuih-Muih ini dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan (JBS), KKBS dan dikendalikan oleh Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT), Pusat Belia BSB di mana jualan itu mengetengahkan lebih 100 jenis kuih-muih dan biskut daripada Majlis Wanita Brunei (MWB) dan KKBT.

Jualan Kuih Muih Belia tersebut dibukakan kepada kunjungan orang ramai bagi persediaan menyambut kedatangan Hari Raya Aidilfitri bermula pada jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam kecuali pada Jumaat, bermula pada jam 2.30 petang hingga 10.00 malam sehingga malam terakhir bulan Ramadan.

Timbalan Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Saidah binti Haji Wahid @ Burut hadir menyempurnakan pelancaran rasmi.

MAJLIS PENYAMPAIAN DERMA ANAK-ANAK YATIM PERINGKAT KEBANGSAAN BAGI DAERAH BRUNEI DAN MUARA

28
APRIL
RABU

Kompleks Sukan Sungai Kebun Bandar Seri Begawan – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) menganjurkan Majlis Penyampaian Derma Anak-Anak Yatim Peringkat Kebangsaan bagi Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung pada hari ini 28 April 2021, secara serentak di lapan buah lokasi iaitu Dewan Kemasyarakatan Mentiri; Dewan Muhibbah; Dewan Kemasyarakatan Sengkurong; Dewan Kemasyarakatan Lambak, Jalan II; Kompleks Sukan Sungai Kebun; Dewan Kemasyarakatan Mukim Pengkalan Batu; Dewan Serbaguna Jabatan Bomba dan Penyelamat, Lapangan Terbang Lama Berakas; dan Pusat Belia Bandar Seri Begawan.

Sumbangan-sumbangan yang diserahkan ini adalah derma daripada Tabung Anak-Anak Yatim; Tabung Dana Anak Yatim Daerah Brunei dan Muara; dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD). Jumlah sumbangan yang disampaikan daripada Tabung Anak-Anak Yatim di bawah kendalian JAPEM ialah sebanyak BND $209,850.00; sumbangan dari Tabung Dana Anak Yatim Daerah Brunei dan Muara pula berjumlah BND $26,950.00 dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) telah menyumbangkan sebanyak BND $209,850.00. Kempen kutipan derma melalui SMS Brunei Prihatin untuk Tabung AnakAnak Yatim pada tahun 1441/2020 juga telah berjaya mengumpul dana sejumlah BND $350,824.00.

Hadir bagi menyampaikan derma anak yatim di Kompleks Sukan Sungai Kebun ialah Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; dan Yang Mulia Awang Mubashar H. Khokhar, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam Brunei Darussalam.

Sementara penyerahan derma di Dewan Kemasyarakatan Mentiri; Dewan Muhibbah; Dewan Kemasyarakatan Sengkurong; Dewan Kemasyarakatan Lambak, Jalan II; Dewan Kemasyarakatan Mukim Pengkalan Batu; Dewan Serbaguna Jabatan Bomba dan Penyelamat, Lapangan Terbang Lama Berakas; dan Pusat Belia Bandar Seri Begawan masing-masing telah disempurnakan oleh Setiausaha-Setiausaha Tetap dan TimbalanTimbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Pegawai Daerah Brunei dan Muara dan Timbalan Pengarah Urusan I Bank Islam Brunei Darussalam.

Majlis di lapan lokasi tersebut telah dimulakan dengan bacaan Tahlil, Doa Arwah dan Doa Selamat secara beramai-ramai sebelum acara penyampaian derma anak yatim kepada seramai 2,695 orang penerima dari Daerah Brunei dan Muara. Penyerahan derma kepada Pegawai Daerah Tutong, Pegawai Daerah Belait dan Pegawai Daerah Temburong juga telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan di Kompleks Sukan Sungai Kebun bagi anak-anak yatim yang berdaftar di Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong.

KEMBARA AMAL RAMADAN 1442H/2021

29
APRIL
KHAMIS

Dalam usaha menyemarakkan bulan Ramadan yang mulia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan [KKBS] dengan kerjasama pelbagai pihak yang berkepentingan khususnya jaringan-jaringan kebeliaan dan kemasyarakatan, telah menganjurkan Program Kembara Amal Ramadan secara serentak di empat daerah iaitu Daerah Brunei Muara; Daerah Temburong; Daerah Belait dan Daerah Tutong bagi tahun 1442H/2021M. Program ini menumpukan kepada aktiviti Tadarus Al-Quran di masjid-masjid dan ziarah kediaman-kediaman yang terpilih.

DAERAH BRUNEI DAN MUARA

Kembara amal ramadhan dihadiri Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bertempat di Masjid Pelambayan Kembara Amal Ramadhan diteruskan dengan ziarah ke kediaman-kediaman yang terpilih.

.

DAERAH TEMBURONG

Kembara amal ramadhan dihadiri Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Majlis Bertadarus telah diadakan di Masjid Kampung Belais, Temburong dan diteruskan dengan penyampaian sumbangan derma di enam buah rumah yang terpilih.

DAERAH BELAIT

Kembara amal ramadhan dihadiri Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Pengurusan Strategi dan Dasar) Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan yang mana Majlis Bertadarus telah diadakan di Masjid Kampong Sungai Liang dan diteruskan dengan penyampaian sumbangan derma di enam buah rumah yang terpilih.

DAERAH TUTONG

Kembara amal ramadhan dihadiri Yang Mulia Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan) yang mana Majlis Bertadarus diadakan di Masjid Kampong Tanjong Maya dan diteruskan dengan penyampaian sumbangan derma di enam buah rumah yang terpilih.

IHYA RAMADAN 1442H/2021M :

TADARUS WARGA KKBS DAN WAKAF

CERAMAH 'MENJALIN KEIKHLASAN DALAM KERJA SEHARIAN'

08
APRIL
KHAMIS

Dewan Digadong, KKBS – Para pegawai dan kakitangan kementerian kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya menghadiri ceramah yang bertajuk 'Menjalin Keikhlasan Dalam Kerja Seharian' disampaikan oleh Yang Mulia Profesor Amin Abdul Aziz, Pengarah Pusat Pengajian Islam Sultan Omar Ali Saifuddien, Universiti Brunei Darussalam yang dikelolakan oleh Unit Perkembangan Sumber Tenaga Manusia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

12
APRIL
ISNIN

MAJLIS PENYERAHAN KURMA KURNIA PERIBADI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI WARGA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Dewan Digadong, KKBS - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) sebagai wadah amal jariah mengendalikan pengagihan buah kurma sebagai Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli kerabat baginda kepada seluruh umat Islam di negara ini, melaksanakan inisatif melaratkan lokasi pengagihan iaitu 1) Orang ramai adalah melalui ketua-ketua kampung masing-masing; 2) Penjawat awam adalah melalui kementerian dan jabatan masing-masing; dan 3) Pegawai dan kakitangan syarikat swasta yang berdaftar adalah melalui syarikat masing-masing bagi memastikan kelancaran pengendalian pengagihan kurnia tersebut.

Sehubungan itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengadakan Majlis Penyerahan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam disempurnakan oleh Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Manakala, Yang Mulia Dayang Hajah Saidah Binti Haji Wahid, Timbalan Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyempurnakan penyerahan kurma kepada para pegawai dan kakitangan perempuan kementerian.

Majlis yang sama juga diadakan serentak di Dewan Bahasa dan Pustaka, yang mana penyerahan kurma disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; di Pusat Sejarah penyerahan kurma disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Pengurusan Strategi dan Dasar), Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan; di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan), Yang Mulia Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah menyempurnakan di Jabatan Muzium-Muzium.

Fadhilat Membaca al-Quran

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 17 Ramadhan 1442H/ 30 April 2021M

Oleh itu, sebagai umat Islam kita hendaklah mengagungkan dan memuliakan al-Quran dengan:

- Menjaga kesuciannya
- Membacanya
- Mengamalkan ajaran yang terkandung di dalamnya bagi memperolehi ganjaran, rahmat dan syafaat pada Hari Akhirat kelak



Fadhilat/ Kelebihan bagi orang-orang yang membaca al-Quran:

- Memperolehi kedudukan yang tinggi di dalam syurga
- Diberikan mahkota kemuliaan pada Hari Kiamat kelak
- Diberikan ketenangan dan kewaspadaan
- Satu huruf al-Quran yang dibaca mendapat satu pahala

Dalam Bulan Ramadhan, kitab suci al-Quran diturunkan kepada seluruh umat manusia

- Institusi terpenting bagi sesebuah masyarakat
- Bulan Ramadhan : waktu yang tepat dan sesuai untuk memupuk kasih sayang dan keharmonian sesebuah keluarga antaranya dengan:

  Mengajak anak-anak dan ahli keluarga berbuat amal kebajikan dan ibadah-ibadah lain secara berjemaah seperti:

  - ☑ Mendirikan sembahyang fardhu/ sunat
  - ☑ Bertadarus al-Quran
  - ☑ Berbuka puasa
  - ☑ Bersahur, dan seumpamanya

KELUARGA

HARI KELUARGA KEBANGSAAN

"Keluargaku Harapanku"

Hari Ahad minggu pertama dalam bulan Mei setiap tahun

Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan,
Jabatan Hal Ehwal Masjid,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam

Tim Penerbitan Unit Perhubungan Awam *Penyunting & Penyemak*, Unit Perhubungan Awam *Perwajahan dan Aturhuruf* Unit Perhubungan Awam

Jurufoto Hajah Ajijah binti Haji Ali, Pg Suhaimi bin Pg Haji Othman, Haji Norfaisal bin Haji Mohd Salleh.